

Ekuinas umum tiga pelaburan baharu RM121 juta

KUALA LUMPUR 17 Dis. - Ekuiti Nasional Bhd. (Ekuinas), syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian, mengumumkan pengembangan portfolio pelaburannya dengan tiga pelaburan terbaharu bernilai RM121 juta.

Pelaburan terbaharu ini merangkumi pelaburan sulung Ekuinas dalam industri pembuatan makanan dan dua pelaburan susulan dalam syarikat pelaburan portfolio makanan dan minuman (F&B).

Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Datuk Abdul Rahman Ahmad

(gambar) berkata, syarikat-syarikat pelaburan baharu Ekuinas adalah Integrated Food Group Sdn. Bhd. (IFG) dan syarikat pelaburan portfolio pendidikan iaitu ILMU Education Group Sdn. Bhd. (IEG) yang dimiliki Ekuinas.

Sementara pelaburan sulung Ekuinas dalam industri pembuatan makanan pula adalah menerusi pembelian 100 peratus kepentingan dalam syarikat PrimaBaguz Sdn. Bhd. (PrimaBa-



guz), dari pada CIMB Private Equity dan Prima Agri Products Sdn. Bhd., dengan jumlah pelaburan sebanyak RM40 juta.

Jelas Abdul Rahman, syarikat PrimaBaguz yang ditubuhkan pada tahun 1987 merupakan sebuah syarikat pemprosesan daging premium halal untuk bekalan



kepada restoran perkhidmatan segera (QSR) serta segmen hotel, pusat peranginan dan syarikat katering (HORECA) yang berpotensi tinggi.

"PrimaBaguz beroperasi dalam pasaran makanan halal diproses negara yang kini dianggar bernilai RM13.4 bilion serta pesat berkembang dan dijangka mencatat kadar pertumbuhan sebanyak lima peratus sepanjang lima tahun akan da-

tang," jelas beliau.

PrimaBaguz juga mempunyai rekod prestasi kewangan yang mantap dan telah mencatatkan pendapatan sebanyak RM56.5 juta, sementara pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) pula mencapai RM7.5 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

Pada masa yang sama, Ekuinas turut menyediakan modal tambahan sebanyak RM48.8 juta bagi syarikat pelaburan portfolio F&B Ekuinas, IFG.